

ALAM ISLAM

Kongres Islam Sedunia

Dr. Said Ramadan, Setiausaha Agung Kongres Islam

Sedunia telah mengunjungi Persekutuan Tanah Melayu baharu-baharu ini.

Beliau telah menemui Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman Putra al-Haj dan orang-orang Islam di sini dan menyatakan harapannya hendak membuka cawangan Pertubuhan Kongres yang dipimpinnya di Persekutuan Tanah Melayu.



Dr. Said Ramadan

Kongres Islam Sedunia, yang beranggotakan 23 buah negara Islam, yang didirikan untuk menjaga maslahat negara-negara Islam dan membela rakyat Islam yang tertindas dan dicengkam oleh penjajah akan bersidang di Baitul Maqdis tidak lama lagi. Persekutuan Tanah Melayu – kata Dr. Said Ramadan – akan mempunyai sekurang-kurangnya seorang wakil dalam persidangan itu.

Dr. Said Ramadan telah menemui Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman. Dalam pertemuan itu – katanya – Tengku menyatakan bahawa Persekutuan Tanah Melayu menyokong penuh rakyat Aljazā'ir¹. Tengku juga menyatakan bahawa pengakuan Persekutuan Tanah Melayu terhadap negara Israel: Tidak lebih daripada hanya turut serta dengan Negara-negara Bangsa-bangsa Bersatu mengakui kerajaan tersebut.

Dr. Said Ramadan yang telah datang dari Kaherah, telah diraikan di Singapura dalam penerbangannya ke Jakarta.

Melawat Negara Republik Arab

Rombongan “Mahabbah, Pelajaran dan Kebudayaan” Persekutuan Tanah Melayu, yang diketuai oleh A. Mohd

Khair Johari, Menteri Pelajaran, telah selamat melawat negara Republik Arab Bersatu, untuk mengukuhkan lagi tali persahabatan di antara dua buah negara Islam itu.

Anggota-anggota rombongan yang lain ialah Menteri Muda Penerangan dan Radio Tuan Syed Jaafar Albar, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Tuan Syed Nasir bin Ismail dan Pegawai Perhubungan Sekolah-sekolah Agama di Kementerian Pelajaran Tuan Salleh Osman.

Cenderamata dari Yang di-Pertua Agong

A. Mohd Khir Johari membawa bersama-samanya cenderamata dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk Presiden Gamal Abdul Nasser.

Di Kaherah, rombongan mahabbah Persekutuan Tanah Melayu telah menemui Presiden Abdul Nasser dan telah menghadiri perayaan ulangtahun kemenangan rakyat Mesir dalam perjuangan menentang langgaran musuh di medan pertempuran Furat Sa'īd yang bersejarah.

¹ Algeria

A. Khir menyatakan, setelah menemui Presiden Abdul Nasser, bahawa beliau sangat tertarik kepada Presiden Republik Arab Bersatu itu, dan mensifatkannya sebagai seorang yang jujur, dan yang berusaha membina bangsa Arab yang kuat dan bersatu padu.

Pelajar-pelajar Melayu di Kaherah

143 pelajar-pelajar Melayu yang berada di Kaherah, kata Menteri Khir lagi, adalah menerima segala kemudahan dari

pemerintah Republik Arab Bersatu.

Menteri Khir telah mengadakan rundingan dengan pihak yang berkuasa di sana mengenai tanah tapak asrama untuk pelajar-pelajar Melayu di Kaherah. Tanah itu telah diberikan oleh pemerintah Republik Arab kepada kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Menurut beliau, kerajaan Persekutuan telah menguntukkan seratus ribu ringgit untuk bangunan asrama itu dan akan memberikan seratus ribu lagi bagi kelengkapan asrama tersebut.



Rombongan “Mahabbah, Pelajaran dan Kebudayaan” Persekutuan Tanah Melayu, ketika meninggalkan tanah air pada 14 Disember yang lalu. Gambar menunjukkan rombongan itu di padang terbang Kuala Lumpur dengan duta Republik Arab Bersatu Tuan Muhammad Rashid Danis. Dari kanan: Tuan Salleh Osman, Tuan Syed Nasir, Tuan Khir Johari (Ketua rombongan) Tuan Rashid Danish dan Tuan Syed Jaafar Albar.